



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KISAH KEJAYAAN KEBAJIKAN PRODUKTIF (PRODUCTIVE WELFARE)

SIRI VI





**KISAH
KEJAYAAN**
KEBAJIKAN PRODUKTIF
(PRODUCTIVE WELFARE)



SIRI VI



Diterbitkan November 2022

Hak cipta ©Jabatan Kebajikan Masyarakat. Semua hak cipta terpelihara.
Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, dicetak semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau sebaliknya, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat atau hubungi:

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
ARAS 6,9-18, NO. 55,
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA
TEL: 03-8323 1656 / 03-8323 1658
FAKS: 03-8323 2094

Jabatan Kebajikan Masyarakat mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan buku ini serta mereka yang bersetuju membenarkan kami menggunakan koleksi gambar.

Dicetak dan direkabentuk oleh:
OMR PRESS SDN. BHD
NO. 18 JALAN INDUSTRI USJ 1/12,
TAMAN PERINDUSTRIAN USJ I,
47600 SUBANG JAYA SELANGOR.
TEL : 03-8024 6396 FAKS : 03-8024 6936

SEULAS BICARA

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih. Alhamdulillah, setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah berjaya menghasilkan penerbitan Buku Kisah Kejayaan Kebajikan Produktif Siri VI. Usaha penerbitan ini bertujuan memberi kefahaman kepada masyarakat dan penghargaan kepada peserta program keusahawanan sosial di bawah JKM khususnya peserta 2 Years Exit Programme (2YEP).

JKM telah memulakan langkah melaksanakan program keusahawanan sosial bagi membantu kumpulan sasaran untuk meningkatkan taraf pendapatan melalui 2YEP. Program ini merupakan satu pendekatan Kebajikan Produktif (Productive Welfare) bagi membantu penerima bantuan JKM ke arah hidup berdikari dan survival, tidak bergantung kepada bantuan selama-lamanya dengan memperkasakan klien untuk meneruskan kehidupannya sendiri melalui pembangunan modal insan dan bimbingan yang inklusif. Melalui program 2YEP ini, klien dibantu mewujudkan peluang penajaan sumber pendapatan yang stabil dan lestari melalui rangkaian kerjasama strategik daripada pelbagai sektor awam dan swasta.

Penyampaian Anugerah 2YEP Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diadakan sempena Konvensyen 2 Years Exit Programme Tahun 2022 sebagai penghargaan kepada para usahawan JKM yang berjaya dalam perniagaan masing-masing. Penghargaan ini adalah sebagai tanda sokongan dan suntikan semangat kepada mereka untuk terus maju ke hadapan serta menjadi contoh atau *role model* kepada penerima bantuan lain untuk mengikut langkah yang sama. Walaupun bukan mudah untuk capai ke tahap tersebut, tetapi tidak mustahil sekiranya ada usaha dan kesungguhan yang tinggi untuk mencapai kejayaan. Seramai 14 peserta 2YEP dan program keusahawanan di bawah JKM dari seluruh negara yang berjaya diberikan Anugerah 2YEP JKM termasuk surat tawaran daripada Bank Simpanan Nasional untuk mengikuti Program Bimbingan Keusahawanan Semarakkan Komuniti Bisnes JKM serta ditimbangkan pembiayaan di bawah Pakej SemarakNiaga yang memenuhi kriteria ditetapkan.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang bekerjasama dalam usaha menerbitkan Buku Kisah Kejayaan Kebajikan Produktif ini dan diharapkan ia dapat memberi manfaat bagi pembangunan kumpulan sasaran jabatan di bawah pendekatan kebajikan produktif.

Sekian, Wassalam.

YBhg Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat



YBhg Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

KEBAJIKAN PRODUKTIF: 2 YEARS EXIT PROGRAMME (2YEP)

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan program 2 Years Exit Programme (2YEP) di bawah konsep “Productive Welfare” yang telah dirancang melalui Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) bermula pada tahun 2016 bagi mencapai objektif yang ditetapkan melalui 2 pendekatan berikut:

1

Productive Welfare ialah suatu pendekatan bagi membantu penerima bantuan kebajikan ke arah hidup berdikari dan survival, supaya tidak bergantung kepada bantuan selama-lamanya dengan memperkasakan klien bagi meneruskan kehidupannya sendiri serta menggiatkan program-program ke arah pembangunan modal insan.

2

“exit-policy” adalah suatu pendekatan untuk mengurangkan sindrom kebergantungan masyarakat kepada bantuan kerajaan semata-mata, di samping untuk mencapai matlamat jabatan ke arah menjadikan perkhidmatan bantuan kepada kumpulan sasaran produktif untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun.

Objektif

a) Pembangunan klien produktif dalam tempoh dua (2) tahun;

b) Pemerkasaan klien dalam meningkatkan kefungsian mereka ke arah berdikari;

c) Platform penjaanaan pendapatan bagi klien produktif;

d) Pengurangan perbelanjaan bantuan bulanan atau langkah penjimatan kewangan kerajaan;

e) Meningkatkan jumlah klien yang berjaya ditamatkan bantuan kerana telah mampu berdikari dan keluar daripada kepompong kemiskinan.

Kumpulan Sasar



KONVENSYEN 2 YEARS EXIT PROGRAMME (2YEP) TAHUN 2022

Konvensyen Keusahawanan Sosial Tahun 2022 ini bertujuan memberi pendedahan kepada klien JKM berkaitan keusahawanan sosial dan perusahaan sosial, perkongsian pengalaman dalam membina perniagaan, pengembangan perniagaan, peluang kerjaya dan penempatan kerja klien termasuk isi rumah. Konvensyen ini melibatkan kerjasama peserta 2YEP, pembimbing peserta 2YEP, Penyelaras Kebajikan Produktif Negeri, agensi luar dan korporat seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Bank Simpanan Nasional dan Bank Islam Malaysia. Konvensyen ini telah berjaya mengumpulkan kira-kira 500 orang peserta dari seluruh negeri yang terlibat dalam perniagaan dan perusahaan sosial dan pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Antara pengisian konvensyen ini ialah sesi perkongsian pengalaman bersama perusahaan sosial yang telah diiktiraf dan diakreditasi dalam mengembangkan perniagaan. Selain itu, perkongsian juga melibatkan usahawan JKM yang telah berjaya membuka perniagaan mereka sendiri dan dapat menjana pendapatan yang lebih tinggi. Selain itu, program Pemerksaan Dan Transformasi Minda (PT-Minda JKM) kepada penerima bantuan JKM yang produktif juga diadakan sempena konvensyen tersebut. Program PT-Minda JKM ini memberi peluang kepada penerima bantuan untuk menimba ilmu dan meningkatkan pengetahuan untuk pemantapan diri dan keluarga, keibubapaan positif dan pengurusan kewangan keluarga yang dikongsikan oleh Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara dan Bahagian Psikologi Dan Kaunseling JKM. Dalam program PT-Minda JKM ini juga menekankan pendekatan “Kemiskinan Tidak Harus Di Warisi” dan pendidikan perlu diberi keutamaan kepada anak-anak.

Di samping itu, lebih daripada 20 buah *booth* pameran, jualan dan perkhidmatan turut disediakan bagi mempamerkan produk-produk barangan para usahawan yang berjaya semasa konvensyen berlangsung. Melalui konvensyen ini, seramai 14 peserta 2YEP dan program keusahawanan di bawah JKM dari seluruh negara yang berjaya diberikan Anugerah 2YEP Tahun 2022 beserta surat tawaran daripada Bank Simpanan Nasional bagi mengikuti Program Bimbingan Keusahawanan Semarakkan Komuniti Bisnes JKM termasuk dipertimbangkan pembiayaan di bawah Pakej SemarakNiaga kepada peserta yang memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Objektif

- a) Memberi pendedahan kepada peserta mengenai keusahawanan sosial dan perusahaan sosial;
- b) Berkongsi pengalaman bersama perusahaan sosial yang telah diiktiraf dan diakreditasi dalam mengembangkan perniagaan dan memberi impak sosial kepada penerima manfaat B40;
- c) Mengetahui kepentingan *Mindset Change* dalam perniagaan dan keusahawanan; dan
- d) Berkongsi pengalaman dengan peserta-peserta program yang berjaya menghasilkan produk dan membina perniagaan mereka.



















ANUGERAH 2YEP JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT TAHUN 2022

Jabatan Kebajikan Masyarakat mengadakan Anugerah 2YEP Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Tahun 2022 untuk menghargai dan mengiktiraf kejayaan serta komitmen peserta 2YEP dalam meningkatkan taraf hidup.

Objektif

- a) Menghargai usaha peserta 2YEP yang telah meningkatkan pendapatan dan keluar daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK);
- b) Mengiktiraf peserta 2YEP yang telah berjaya dan dijadikan Role Model kepada peserta 2YEP lain;
- c) Mengiktiraf keupayaan peserta 2YEP yang berjaya dan membuka peluang untuk mengembangkan perniagaan pada masa hadapan.













PROJEK 1 PERNIAGAAN SATE

Nama : Mohd Azrul bin Nazri
Umur : 32 Tahun
Alamat : No.10 Jalan Sejahtera 13,
Taman Desa Sejahtera,
81900 Kota Tinggi, Johor

Skim Bantuan : Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)
Jumlah Bantuan Diterima : RM450.00 Sebulan
Bantuan Geran Pelancaran : Tahun 2021: RM2,700.00
Bantuan Agensi Lain : Tiada



Pendapatan sebelum : RM800.00 - RM1,000.00 Sebulan
Pendapatan Selepas : RM4800.00 - RM6000.00 Sebulan

Azrul bin Nazri merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) kategori pertuturan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Beliau masih bujang dan tinggal bersama ibu dan adik-beradik di Taman Desa Sejahtera, Kota Tinggi, Johor. Beliau adalah seorang pemalu dan kurang keyakinan diri untuk berkomunikasi serta berurusan dengan masyarakat. Selepas menyertai program 2YEP, beliau menunjukkan perubahan positif iaitu lebih berkeyakinan dan mampu berkomunikasi dengan masyarakat khususnya pelanggan. Beliau juga tidak lagi terlalu mengharapkan bantuan keluarga dalam urusan kehidupannya.

Pada permulaannya, beliau berniaga sate secara kecil-kecilan di tepi sungai Kota Tinggi, Johor bermula pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, beliau mempunyai kekangan untuk membeli peralatan dan bahan mentah bagi menambahkan jumlah sate untuk dijual. Jumlah pendapatan beliau sebelum menyertai program 2YEP adalah antara RM800.00 hingga RM1,000.00 sebulan.

Beliau telah menyertai program 2YEP pada tahun 2021 bagi mengembangkan perniagaannya. Justeru itu, perniagaan sate beliau telah mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat sekitar. Gerai sate beliau dibuka enam (6) hari seminggu kecuali pada hari Isnin bermula jam 5.30 petang hingga 10.00 malam.

Setelah menyertai program 2YEP pendapatannya telah meningkat antara RM4,800.00 hingga RM6,000.00 sebulan.

Perancangan masa depan perniagaan, beliau berhasrat untuk menambah lagi pelbagai jenis jualan di gerainya bagi menarik lebih ramai pelanggan. Di samping berharap perniagaannya dapat menjadi contoh dan pemberi semangat serta galakkan kepada rakan-rakan lain agar lebih maju dalam perniagaan yang diceburi.



Premis Perniagaan Peserta



Produk Perniagaan



**AMY
SATAY**

PASTI SEDAP

AYAM = RM 1.00
DAGING = RM 1.00
KAMBING = RM 1.20

NASI HIMPIT
KECIL = RM 2.00
BESAR = RM 5.00



Pencapaian Peserta



PROJEK 2 PERNIAGAAN GERAIMAKANAN

Nama : Che Om Binti Shadad
Umur : 44 Tahun
Alamat : No 156c, Kampung Ewa,
Mukim Ayer Hangat,
07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.
Skim Bantuan : Bantuan Kanak – Kanak (BKK)
Jumlah Bantuan Diterima : RM200.00 Sebulan
Bantuan Geran Pelancaran : Tahun 2020: RM2,700.00
Bantuan Agensi Lain : Tiada



Pendapatan Sebelum: RM400.00 Sebulan

Pendapatan Selepas : RM3,000.00 – RM6,200.00 Sebulan

Che Om binti Shadad merupakan isteri kepada Encik Zakaria bin Bulat yang telah kehilangan penglihatannya berpunca daripada penyakit Glaukoma sejak tahun 2011. Disebabkan itu, tanggungjawab menyara keluarga diambil alih oleh beliau yang bekerja sebagai Pembantu Kedai dengan pendapatan antara RM 600.00 hingga RM 900.00 sebulan mengikut jumlah hari bekerja. Beliau mengambil keputusan untuk berniaga sendiri memandangkan pendapatannya ketika itu bergantung sepenuhnya dengan jumlah hari bekerja.

Pada mulanya, beliau berniaga minuman ringan dan laksa di kiosk makanan di Pengkalan Sungai Kubang Badak dengan dibantu oleh anak-anak yang masih bersekolah dan suaminya yang kurang upaya. Kadar sewa yang dikenakan adalah sebanyak RM 50.00 sebulan. Kemudiannya, beliau ditawarkan menyewa satu unit kedai milik Koperasi Nelayan Kubang Badak yang baharu dibina di Pengkalan Sungai Kubang Badak dengan sewa sebanyak RM 250.00 sebulan. Beliau telah mempelbagaikan produk jualan seperti menjual makanan bergoreng, masakan panas dan masakan barat.

Antara cabaran yang dihadapi oleh beliau adalah terpaksa berhadapan dengan masalah kekurangan peralatan seperti ketiadaan dapur gas industri, peti sejuk beku dan peti sejuk selain peralatan sajian makanan dan meja makan yang usang. Jumlah pendapatan perniagaan beliau sebelum menyertai program 2YEP adalah dalam anggaran RM400.00 sebulan.

Pada September 2020, beliau telah menyertai program 2YEP dengan hasrat untuk menambahkan modal perniagaan dan membeli peralatan yang diperlukan seperti dapur memasak, peti sejuk beku, meja makan dan beberapa peralatan kecil yang lain. Hasil daripada menyertai program 2YEP, pendapatan beliau telah meningkat antara RM3,500.00 hingga RM6,000.00 sebulan.



Pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberikan cabaran dan kesan untuk beliau memasarkan perniagaannya. Beliau hanya berniaga berdasarkan tempahan yang dibuat melalui telefon sahaja pada ketika itu. Semangat juang beliau kekal kuat hasil dari ketahanan mentalnya dan dorongan yang diberikan oleh Pegawai Kes. Pendapatan bersih beliau kembali melonjak iaitu kepada RM 3,371.00 pada Oktober 2021 dan pernah mencapai RM 6,295.00.

Kini, beliau telah mampu menggajikan dua orang tukang masak sepenuh masa. Suami beliau turut sama membantu dalam menguruskan operasi perniagaannya. Beliau amat bersyukur setelah menyertai program 2YEP, taraf ekonomi beliau sekeluarga bertambah baik dan anak-anak dapat meneruskan pelajaran ke peringkat ijazah di Institut Pengajian Tinggi Awam.

Premis Perniagaan Peserta





Produk Perniagaan



PROJEK 3 URUTAN DAN SPA

Nama : Norasma Binti Jaafar
Umur : 45 Tahun
Alamat : D/A Yaacob Bin Taib,
Kg. Cherang Lali,
17500 Tanah Merah, Kelantan

Skim Bantuan : Bantuan Kanak-Kanak (BKK)
Jumlah Bantuan Diterima : RM100.00 Sebulan
Bantuan Geran Pelancaran : Tahun 2019: RM2,700.00
Bantuan Agensi Lain : Tiada



Pendapatan Sebelum : RM700.00 Sebulan
Pendapatan Selepas : RM10,000.00 Sebulan

Norasma binti Jaafar merupakan seorang ibu tunggal sejak dari usia 33 tahun. Beliau dikurniakan seorang anak lelaki yang kini berusia 19 tahun. Setelah bercerai beliau kembali tinggal di rumah ibu bapanya. Hidup beliau terumbang-ambing kerana tiada pendapatan sendiri. Ibu bapa pula tidak bekerja dan hanya mengharapkan sumbangan daripada anak-anak.

Pada awalnya perniagaan mobile (Confinement Lady) urutan dan spa yang diusahakan beliau di alamat Kg. Cherang Lali, Bukit Panau, Tanah Merah agak terumbang-ambing memandangkan masih baharu dalam bidang perniagaan dan memperolehi pendapatan bulanan kira-kira RM700.00. Namun, selepas menyertai program 2YEP perniagaan beliau semakin dikenali dan mendapat sambutan. Hasil suntikan modal geran 2YEP beliau kini telah berjaya meningkatkan pendapatan sehingga RM10,000.00 sebulan. Bahkan beliau telah mampu mengupah dua orang pekerja tempatan.

Antara cabaran utama beliau dalam menjalankan perniagaan adalah kekurangan modal dan tenaga kerja yang berkelayakan. Hal ini kerana permintaan dari pelanggan agak memberangsangkan selepas Perintah Kawalan Pergerakan ekoran peningkatan kadar kelahiran. Beliau bercadang untuk mendapatkan suntikan modal daripada RISDA agar dapat menambah satu lagi premis di jajahan tersebut.

Visi dan misi beliau adalah untuk membuka peluang pekerjaan kepada ibu-ibu tunggal yang kehilangan punca pendapatan terutama kepada kilen Jabatan Kebajikan Masyarakat. Beliau amat bersyukur kerana sehingga kini beliau tidak mempunyai masalah untuk membesarkan anaknya yang sedang melanjutkan pelajaran di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).



Premis Perniagaan Peserta



Perkhidmatan Yang Ditawarkan



PROJEK 4 KEK DAN PASTRI

Nama	: Zuraihan binti Awang
Umur	: 36 Tahun
Alamat	: Kedai Kek & Roti Terasil, Lot 4256-C, Kampung Terasil, 17500 Tanah Merah, Kelantan
Skim Bantuan	: Bantuan Kanak - Kanak (BKK)
Jumlah Bantuan Diterima	: RM100.00 Sebulan
Bantuan Geran Pelancaran	: Tahun 2019: RM2,700.00
Bantuan Agensi Lain	: Tiada



Pendapatan Sebelum : RM750.00 Sebulan
Pendapatan Selepas : RM 10,000.00 Sebulan


Zuraihan binti Awang merupakan seorang ibu tunggal seawal usia 27 tahun. Beliau dikurniakan seorang anak perempuan berusia 6 tahun. Setelah bercerai beliau kembali tinggal di rumah ibu bapa. Untuk meneruskan kehidupannya, beliau mula membantu di kedai makan milik bapanya. Kedai makan ini tidak mampu untuk berdaya saing disebabkan kurang mendapat sambutan. Pendapatan yang diperolehi kira-kira RM750.00 sebulan dan sekadar mampu untuk membayar sewa kedai dan sara hidup keluarga.

Beliau telah menyertai program 2YEP pada tahun 2019 untuk menambah modal bagi perniagaan kek dan pastri secara online dan offline. Beliau menyewa sebuah kedai dengan kadar RM100.00 sebulan dan terus berusaha sedikit demi sedikit untuk memajukan perniagaannya. Beliau telah mengusahakan projek kek dan pastri di Kampung Terasil, Gual Ipoh, Tanah Merah.

Setelah mendapat suntikan modal geran 2YEP beliau kini telah berjaya meningkatkan pendapatan sehingga RM10,000.00 sebulan. Perniagaan beliau semakin mendapat sambutan dan mengupah dua orang pekerja tempatan untuk memenuhi permintaan pelanggan.

Pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberikan cabaran untuk beliau memasarkan produknya dan permintaan pelanggan agak terhad. Selain itu, pada peringkat permulaan perniagaannya beliau mengalami masalah modal yang tidak mencukupi dan tidak berupaya mengupah pekerja.

Kini beliau dalam perancangan mengembangkan perniagaan dengan membuat permohonan suntikan modal daripada KESEDAR dan KEMAS agar dapat membeli beberapa peralatan baharu untuk meningkatkan pengeluaran produknya.



Premis Perniagaan Peserta



Produk Perniagaan



PROJEK 5 KEK DAN ROTI

Nama : Hafizi bin Haziri
Umur : 32 Tahun
Alamat : JC 3709, Jalan Hjh. Yon 1,
Taman Hjh. Yon, Chenderah
77000 Jasin, Melaka

Skim Bantuan : Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)
Jumlah Bantuan Diterima : RM450.00 Sebulan
Bantuan Geran Pelancaran : Tahun 2020: RM2,700.00
Bantuan Agensi Lain : Tiada



Pendapatan Sebelum : RM300.00 – 500.00 Sebulan
Pendapatan Selepas : RM6,390.00 Sebulan

Hafizi bin Haziri merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) kategori fizikal yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Beliau menjadi OKU kerana kemalangan jalan raya pada tahun 2016. Sebelum memulakan perniagaan, beliau bekerja sebagai Pembantu Kedai dengan gaji sebanyak RM 200.00 sebulan. Namun, beliau seorang yang bercita-cita tinggi dan tidak mahu bergantung sepenuhnya dengan kerja makan gaji. Setelah keadaan kesihatan semakin pulih, beliau telah mengusahakan perniagaan kek dan roti di rumah bersama-sama dengan isterinya. Sebelum menyertai program 2YEP, pendapatan yang diperolehi adalah antara RM 300.00 hingga RM 500.00 sebulan. Hal ini kerana perniagaan beliau masih baharu mula untuk bertapak dan belum mempunyai ramai pelanggan ditambah dengan kekurangan peralatan untuk menghasilkan kek dan juga roti dalam kuantiti yang banyak.

Beliau menyertai program 2YEP pada Jun 2020 untuk membeli peralatan dan bahan mentah bagi mengembangkan perniagaannya. Beliau memasarkan produknya ke sekolah-sekolah dan institut pengajian di sekitar daerah Jasin. Perniagaan beliau semakin mendapat sambutan dan telah mempunyai pelanggan tetap. Melangkah maju setapak ke hadapan, beliau telah mendaftarkan perniagaannya dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menggunakan nama Fizie Mieza Enterprise. Hasil suntikan modal program 2YEP pendapatan beliau meningkat antara RM5,000.00 hingga RM6,000.00 sebulan.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberikan cabaran dan kesan yang hebat kepada beliau untuk memasarkan produknya. Namun, beliau tetap gigih berusaha meneruskan perniagaannya sehingga kini. Perancangan di masa hadapan, beliau berhasrat untuk membuka kedai bakerinya sendiri dan memberi peluang pekerjaan terutamanya kepada golongan OKU seperti dirinya.



Produk Perniagaan



Roti Gebu & Kek Homemade

ROTI SOSEJ

ROTI SOSEJ CHEESE

CHICKEN FLOSS

SOSEJ GURRING

BAWA

RAGING NIFARI

GULOK

0171-012-970 8310




**TUNA ROLL WITH CHICKEN FLOSS
RM10 = SMALL BOX (4PCS)**





Promosi Produk

Whatsapp



Products



Kami sedia menerima pelbagai jenis tempahan... Kami membuat pelbagai jenis kek... Contoh pull out money cake, birthday cake, birthday cake cartoon & lain2 lagi... Kami juga membuat doorgift seperti cupcake, roti gebu dan lain2 lagi dan kek untuk pelbagai majlis atau untuk diinfaqkan ke rumah-rumah anak yatim, madrasah-madarasah dan lain-lain.

JC 3709 Jalan Hajah Yon 1, Taman Hajah Yon, 77000 Jasin,

Facebook

Fizie Ziery added a new photo – with **Noramiza Zulkipli**.
Oct 17 · 🌐

#Alhamdulillah
#cake
#cakes
#birthdaycakes
#birthdaycake
#pandangulamelaka
#pandangulamelakakek... See more



ORANG JASIN
Fizie Ziery · Jun 27 · 🌐

Fizie Ziery added a new photo to the album: **Cake Cartoon (Topper / Toys)**.
Jun 27 · Jasin · 🌐

#Alhamdulillah
#cake
#cakes... See more – with **Noramiza Zulkipli** in Jasin.



Fizie Ziery (Hafizi Haziri)

Message

Fizie Mieza Enterprise at **KERJA Sendiri WAKTU Sendiri**

Studied at kolej komuniti bukit beruang

Went to Smk Seri Bemban

Lives in **Malacca Town**

PROJEK 6 ROTI ARAB & SARAPAN PAGI

Nama	: Norlaila binti Tawang
Umur	: 42 Tahun
Alamat	: No. 116, Jalan TS 7, Taman Selasih, 72000 Kuala Pilah Negeri Sembilan
Skim Bantuan	: Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)
Jumlah Bantuan Diterima	: RM450.00 Sebulan
Bantuan Geran Pelancaran	: Tahun 2019: RM2,700.00 Tahun 2021: RM2,700.00
Bantuan Agensi Lain	: Tiada



Pendapatan Sebelum : RM300.00 - RM450.00 Sebulan

Pendapatan Selepas : RM2,000.00 Sebulan

Nor Laila binti Tawang merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) kategori penglihatan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Beliau telah berkahwin dan dikurniakan tiga orang cahaya mata. Pada mulanya beliau hanya menjual burger, roti arab dan makanan ringan secara kecil-kecilan di rumah dengan memperolehi pendapatan antara RM300.00 hingga RM450.00 sebulan. Beliau tidak pernah menerima apa-apa latihan sebelum terlibat dengan Program 2YEP. Beliau hanya menggunakan pengalaman yang diperolehi ketika bekerja membantu saudara yang berniaga bagi memulakan perniagaan.

Beliau menyertai program 2YEP pada tahun 2019 melalui pembukaan warung yang menjual makanan dan minuman untuk menu sarapan pagi dan tengahari sahaja. Waktu perniagaan adalah bermula dari jam 7.00 pagi sehingga 2.00 petang. Perniagaan beliau semakin mendapat sambutan dan telah mengupah seorang pekerja untuk membantu menguruskan penyediaan bahan mentah. Perniagaan warung beliau juga telah mendapat lesen perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Setelah menyertai program 2YEP pendapatan beliau telah meningkat antara RM7,000.00 hingga RM10,000.00 sebulan.

Antara cabaran yang terpaksa ditempuhi di awal perniagaannya ialah beliau perlu menguruskan anak-anak yang masih kecil dan pada masa yang sama perlu menjalankan perniagaannya. Di samping itu, beliau berhadapan dengan kekangan lokasi perniagaan yang tidak bersesuaian kerana hanya beroperasi di rumah. Pelanggan pada ketika itu juga hanya tertumpu kepada penduduk sekitar rumah sahaja. Selain itu, terdapatnya persaingan perniagaan yang sama di dalam kawasan perumahan mengakibatkan jualan kurang mendapat sambutan. Tambahan pula beliau tiada pengetahuan dalam bidang berkaitan pemasaran dan hanya sekadar mencuba berniaga sahaja.



Perancangan masa hadapan beliau berhasrat untuk mendapatkan pensijilan halal daripada JAKIM. Justeru itu, beliau terus berusaha ke arah mencapai matlamat tersebut dengan mendapatkan bimbingan daripada rakan-rakan perniagaan yang telah menerima sijil halal tersebut. Selain itu, beliau masih lagi dalam proses mempertingkatkan ilmu perniagaan dan pengeluaran produk.

Premis Perniagaan Peserta



PROJEK 7 PERUSAHAAN MAKANAN, KATERING DAN SEWA DEWAN

Nama : Sharifah Nor Zana binti Syed Osman Hamid
Umur : 56 Tahun
Alamat : No.12, Lorong seberang balok 3/5,
Taman Kasya Villa, 26100 Kuantan,
Pahang
Skim Bantuan : Bantuan Kanak-Kanak (BKK)
Jumlah Bantuan Diterima : RM300.00 Sebulan
Bantuan Geran Pelancaran : Tahun 2021: RM2,700.00
Bantuan Agensi Lain : Amanah Ikhtiar, MUIP




Pendapatan Sebelum : RM900.00 Sebulan
Pendapatan Selepas : RM 5,628.00 Sebulan

Sharifah Nor Zana binti Syed Osman merupakan seorang ibu tunggal yang mempunyai enam orang anak. Beliau berkelulusan Diploma Perakaunan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM). Setelah menjadi ibu tunggal pada tahun 2010, beliau berniaga Roti John secara kecil-kecilan di hadapan rumahnya dengan pendapatan sekitar RM500.00 hingga RM900.00 sebulan.

Pada tahun 2017, beliau berpindah lokasi berniaga ke tapak gerai di tepi jalan. Pada tahun 2021, beliau berpindah ke premis yang disewa di Sungai Karang, Kuantan. Pada permulaan perniagaan, beliau tidak mempunyai peralatan yang mencukupi dan serba kekurangan. Beliau juga tidak mempunyai pekerja dan hanya mengharapkan bantuan anak-anak. Produk yang diusahakan juga terhad kerana tidak mempunyai peralatan yang mencukupi dan hanya menjual Roti *John* dan *Chicken Chop*. Selain itu, beliau juga menghadapi kesukaran dalam menghantar barang niaga kerana hanya memiliki sebuah motorsikal.

Setelah beliau menyertai program 2YEP pada tahun 2021, pendapatan dan taraf ekonomi beliau meningkat dan mampu menyara kehidupan anak-anak hasil daripada perniagaannya. Beliau lebih berkeyakinan dan mempunyai hala tuju untuk berjaya dalam perniagaan. Beliau juga telah mampu membeli kereta dengan pendapatan yang diperolehi. Perniagaan beliau bertambah maju daripada berniaga gerai kecil kepada menjadi pengusaha restoran.



Pada Julai 2022 perniagaannya berpindah ke lokasi baharu kerana beliau telah membeli premis perniagaan sendiri dengan harga RM130,000.00 secara tunai di Seberang Balok dan membayar sewa tanah premis RM800.00 sebulan. Restoran beliau juga menerima tempahan

untuk kenduri kahwin, pertunangan, majlis keraian, hari jadi dan sebagainya. Beliau kini mempunyai 13 orang pekerja untuk membantu dalam perniagaannya. Setelah menyertai program 2YEP pendapatan beliau meningkat dengan purata pendapatannya sebanyak RM9,750.00 sebulan.

Pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberikan cabaran dan kesan kepada pendapatan beliau kerana pergerakan terhad dan penghantaran makanan tidak dapat dibuat di kawasan yang jauh. Di samping itu, cabaran dalam perniagaan ialah persaingan dan kenaikan harga bahan mentah telah meningkatkan kos pengeluaran produk.

Di masa hadapan beliau berhasrat untuk membuka ice station yang menjual ABC, lai chee kang, ais kepal dan air kelapa pandan di sekitar kawasan Balok, Kuantan. Beliau juga mempunyai perancangan untuk menyediakan perkhidmatan pelamin pengantin bagi memudahkan pelanggan yang ingin mengadakan majlis perkahwinan di premisnya.

**Premis Perniagaan Tahun 2017 Di Gerai
Tepi Jalan Dan Premis Perniagaan Tahun 2021**

**SNZ FOOD EMPIRE
KINI DIBUKA!**

**Masakan Panas
Plate panas 7 Negara
Homemade Burger
Char Kuey Tiaw
Western**

**SNZ Food Empire
Seberang Balok
Berdekatan Kuaters
Navy**

**Dibuka setiap hari
3ptg-11mlm**

**JEMPUT
DATANG YA!**



Mula Berniaga Roti John Di Hadapan Rumah Pada Tahun 2010



PROJEK 8 PERUSAHAAN MAKANAN (KUIH NERAM & SARAPAN PAGI)

Nama : Maisarah binti Ismail
Umur : 50 Tahun
Alamat : Rumah PPRT, Jalan Fajar, Rantau Perintis,
26400 Bandar Jengka Pahang
Skim Bantuan : Bantuan Kanak-Kanak (BKK)
Jumlah Bantuan Diterima : RM450.00 Sebulan
Bantuan Geran Pelancaran : Tahun 2019: RM2,700.00
Bantuan Agensi Lain : Tiada




Pendapatan Sebelum : RM800.00 - RM1,000.00 Sebulan
Pendapatan Selepas : RM3,404.00 Sebulan

Maisarah binti Ismail merupakan seorang ibu tunggal yang kematian suami dan mempunyai tujuh orang anak. Beliau memulakan perniagaan kuih muih pada tahun 2010 di Bandar Jengka, Pahang setelah kematian suami demi menyara anak-anak yang masih kecil. Pada awal perniagaan beliau menghadapi masalah kewangan kerana perlu membiayai perbelanjaan persekolahan anak-anak. Namun pada tahun 2020 beliau memberanikan diri untuk membuka perniagaan kuih neram dengan bermodalkan wang simpanan sendiri dan sumbangan peralatan 1Azam di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di tapak niaga belakang Pasaraya Ten Ten, Jengka. Pendapatan beliau pada ketika itu antara RM800.00 hingga RM1,000.00 sebulan.

Setelah beliau menyertai program 2YEP pada tahun 2019, perniagaannya semakin berkembang dan berjaya membuka cawangan perniagaan di tapak niaga Pekan Sehari Chenor dan gerai di hadapan Pasaraya Besar Mydin, Bandar Jengka pada setiap Khamis. Selain itu, beliau juga menerima tempahan untuk menyediakan kuih neram bagi majlis-majlis perkahwinan. Pendapatan dan taraf ekonomi beliau meningkat dengan purata pendapatannya sebanyak RM3,404.00 sebulan.

Pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menyebabkan perniagaan beliau terpaksa dihentikan untuk tempoh masa yang agak lama dan beliau hanya bergantung kepada bantuan pihak kerajaan untuk menyara keluarga. Namun, selepas kerajaan mengumumkan kelonggaran SOP Kawalan dan Pencegahan Penyakit Covid-19, beliau kembali berniaga seperti biasa dengan mematuhi SOP yang ditetapkan. Selain itu, cabaran yang perlu dihadapi di awal perniagaannya ialah kekurangan modal dan peralatan untuk mengeluarkan produk dalam kuantiti yang banyak.



Premis Perniagaan Peserta



Produk Perniagaan





PROJEK 9 PERKHIDMATAN SPA/MOBILE SPA

Nama : Noor Aidawati binti Yusoff
Umur : 52 Tahun
Alamat : 31 Jalan desa Cahaya 6,
Taman Desa Cahaya, 31600 Gopeng,
Perak
Skim Bantuan : Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)
Jumlah Bantuan Diterima : RM450.00 Sebulan
Bantuan Geran Pelancaran : Tahun 2019: RM2,700.00
Bantuan Agensi Lain : Tiada



Pendapatan Sebelum : RM1,000.00 Sebulan
Pendapatan Selepas : RM4,000.00 - RM5,000.00 Sebulan

Noor Aidawati binti Yusoff merupakan seorang ibu tunggal yang telah kematian suami pada tahun 2018 dan mempunyai empat orang anak yang masih bersekolah. Beliau merupakan bekas graduan lepasan Universiti Malaya dalam jurusan Ekonomi. Beliau juga adalah Orang Kurang Upaya (OKU) kategori penglihatan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Beliau pernah bekerja di kiosk emas sebelum arwah suaminya sakit. Namun beliau terpaksa berhenti kerja kerana perlu menumpukan sepenuh perhatian untuk menjaga suaminya. Selepas kematian suami beliau mula berikhtiar untuk mencari pekerjaan bagi menampung keperluan keluarga memandangkan wang simpanan telah habis digunakan untuk kos perubatan arwah suaminya.

Dengan berbekalkan semangat, beliau telah bekerja sebagai Pekerja Am di Pusat Komuniti Desa (PKD) Jelitoh, Gopeng. Di samping itu, beliau bersama rakan-rakan yang lain telah berniaga baja secara kecil-kecilan dengan menyertai beberapa karnival anjuran FAMA. Pendapatan beliau pada masa itu adalah sekitar RM1,000.00 sebulan dan masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan keluarganya.

Beliau menyertai program 2YEP pada Jun 2019 sebagai suntikan modal untuk perniagaan pembuatan baja. Tidak hanya sekadar mengharapkan hasil jualan baja, beliau telah melibatkan diri dengan Perniagaan *Mobile Spa* dan *Barber Shop*. *Barber Shop* tersebut dikendalikan oleh anak lelaki beliau yang baharu menamatkan pengajian dalam bidang gunting rambut dari GIAT MARA. Bermula dengan hanya menggunakan motosikal, beliau dan anaknya akan pergi ke rumah pelanggan untuk memberikan perkhidmatan mobile spa. Kemudiannya beliau telah ditawarkan untuk membuka kedai di Bangunan Bazar MARA Gopeng dengan kadar yang murah. Beliau juga menawarkan Kursus Asas Menggunting Rambut dan Kursus Facial. Hasil



menyertai program 2YEP pendapatan beliau telah meningkat antara RM4,000.00 hingga RM7,000.00 sebulan.

Pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menjejaskan perniagaannya kerana karnival jualan FAMA terpaksa dihentikan. Dalam tempoh tersebut beliau hanya menjalankan perniagaan kecil-kecilan supaya tidak terputus pendapatan dan hanya berharap tempahan daripada pembekal sahaja.

Beliau merupakan seorang yang cekal dan tidak mudah berputus asa. Kegigihan beliau boleh dijadikan contoh kepada golongan ibu tunggal dan golongan OKU yang lain dalam mengubah kehidupan masing-masing. Oleh itu, beliau sering dijemput untuk memberi ceramah serta berkongsi pengalaman dalam perniagaannya.

Premis Perniagaan Peserta





Perkhidmatan Yang Ditawarkan







PROJEK 10 KUIH TRADITIONAL/MODEN

Nama : Muhamad Hamdan bin Abd halil
Umur : 43 Tahun
Alamat : 103 B, lorong Gonchar 7,
01000 Kangar Perlis
Skim Bantuan : Bantuan Am (BAM)
Jumlah Bantuan Diterima : RM300.00 Sebulan
Bantuan Geran Pelancaran : Tahun 2020: RM2,700.00
Bantuan Agensi Lain : Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs).



Pendapatan Sebelum : RM800.00 Sebulan

Pendapatan Selepas : RM10,000.00 Sebulan

Muhamad Hamdan bin Abd Halil merupakan seorang bapa yang mempunyai 2 orang anak. Beliau mendirikan rumah tangga dengan Roshamiza binti Meli. Beliau berpengalaman bekerja sebagai Pengawal Keselamatan di sebuah Syarikat Kawalan Keselamatan dengan pendapatan sebanyak RM 1,000.00 sebulan. Beliau menghadapi masalah kewangan disamping terpaksa menjaga anak yang berpenyakit paru-paru. Kesempitan hidup yang dialami menyebabkan beliau sentiasa memikirkan untuk melakukan apa yang termampu asalkan ia mendatangkan sumber pendapatan kepada keluarganya. Isteri beliau mempunyai kemahiran dalam bidang pembuatan kuih tradisional dan aneka kuih moden. Berbekalkan kemahiran yang dimiliki oleh isterinya mereka memulakan perniagaan secara kecil-kecilan di rumah dan menghantar ke kedai-kedai yang berdekatan.

Beliau telah menyertai program 2YEP pada tahun 2020 untuk mengembangkan perniagaan yang dijalankannya bersama isteri. Beliau menggunakan geran modal untuk membeli keperluan peralatan yang diperlukan bagi memudahkan urusan perniagaannya. Setelah perniagaan semakin berkembang, beliau telah mendaftarkan perniagaannya dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di atas nama Rose My Ieza Enterprise. Hasil daripada menyertai program 2YEP, purata pendapatan beliau meningkat kepada RM 10,000.00 sebulan.



Pandemik COVID-19 telah memberikan cabaran dan kesan kepada beliau untuk memasarkan produknya. Namun, beliau dan isteri terus gigih berusaha untuk mempromosikan produk mereka dengan menggunakan medium digital seperti Facebook, Telegram, Whatsapp dan lain-lain. Dari semasa ke semasa produk yang dihasilkan mendapat sambutan dan pendapatan yang diperolehi juga semakin meningkat. Perniagaan beliau semakin berkembang dan produk-produk baharunya turut mendapat perhatian daripada agensi-agensis pemberi bantuan yang

lain. Beliau telah berjaya mendapat bantuan untuk membina sebuah bengkel daripada Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs). Bengkel baharu tersebut akan digunakan bagi memberi keselesaan untuk menjalankan perniagaan..

Beliau berpegang pada prinsip “kejayaan tidak akan tercapai tanpa usaha”. Beliau berhasrat untuk membuka peluang pekerjaan kepada penduduk kampung dan pelajar lepasan sekolah memandangkan produknya mendapat sambutan yang tinggi daripada pelanggan.

Premis Perniagaan Peserta



Produk Perniagaan



Latihan Yang Dihadiri



Lawatan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat





seMyZA Pic

PROJEK 11 MENJUAL NASI LEMAK

Nama	: Siti Hajar binti Soeed
Umur	: 42 Tahun
Alamat	: 1131 Tasek Chempedak, Simpang Ampat, S.P.S, 14120 Tasek Mutiara, Pulau Pinang
Skim Bantuan	: Bantuan Kanak- Kanak (BKK)
Jumlah Bantuan Diterima	: RM100.00 Sebulan
Bantuan Geran Pelancaran	: Tahun 2017: RM2,700.00 Tahun 2019: RM2,700.00
Bantuan Agensi Lain	: Amanah Ikhtiar, Tekun



Pendapatan Sebelum : RM400.00- RM500.00 Sebulan
Pendapatan Selepas : RM4,000.00 Sebulan

Siti Hajar binti So'ued merupakan seorang ibu tunggal dan mempunyai empat orang anak. Beliau mula menjual nasi lemak selepas berpisah dengan suaminya pada tahun 2010. Kos sara hidup yang tinggi untuk menampung keperluan harian dan persekolahan anak-anak menyebabkan beliau berusaha mencari pendapatan sendiri dengan menjual nasi lemak. Pada awalnya, beliau berulang-alik menjual nasi lemak di Daerah Kulim, Kedah selama lapan tahun. Kemudian, beliau berpindah lokasi perniagaannya dari Kulim ke Simpang Ampat, Pulau Pinang. Pendapatan beliau pada ketika itu antara RM400.00 hingga RM500.00 sebulan.

Beliau menyertai program 2YEP pada tahun 2017 dan suntikan modal juga diberikan pada tahun 2019 untuk mengembangkan perniagaannya. Suntikan modal tersebut bagi membeli peralatan seperti dapur memasak, kanopi, kualiti, periuk nasi besar dan beberapa peralatan memasak yang lain. Hal ini untuk memudahkan beliau memasak dalam kuantiti yang banyak seterusnya meningkatkan lagi hasil dan kualiti nasi lemak.

Nasi lemak beliau kini semakin terkenal dan mendapat tempat di hati pelanggan dengan gelaran "Nasi Lemak Siti Hajar Petronas". Perniagaan nasi lemak beliau beroperasi dari jam 6.30 pagi hingga 10.00 pagi pada setiap hari kecuali pada hari Isnin. Hasil menyertai program 2YEP pendapatan dan taraf ekonomi beliau meningkat dengan purata pendapatannya sebanyak RM7,000.00 sebulan.



Antara cabaran dalam perniagaan ialah semasa mula berniaga beliau terpaksa berulang-alik jauh ke daerah Kulim, Kedah ditambah dengan rasa rendah diri dan bersikap pemalu dengan masyarakat sekitar..

Perancangan masa hadapan beliau berhasrat untuk membuka kedai makan atau restoran milik sendiri yang lebih luas dan selesa. Justeru itu, beliau sentiasa berusaha dalam mencapai impian untuk mengembangkan lagi perniagaannya. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat yang banyak membantu dan membimbing sehingga beliau mampu berdikari.

Premis Perniagaan Peserta



ProdukPerniagaan



PROJEK 12 PERNIAGAAN PUTU PIRING

Nama	: Yuzairi Hafiz bin Tajudin
Umur	: 31 Tahun
Alamat	: Seri Kayan Appartment B-7-15, Jalan Pinggiran USJ 47610 subang Jaya, Selangor
Skim Bantuan	: Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)
Jumlah Bantuan Diterima	: RM450.00 Sebulan
Bantuan Geran Pelancaran	: Tahun 2019: RM2,700.00 Tahun 2021: RM2,700.00
Bantuan Agensi Lain	: Tiada



Pendapatan Sebelum : RM800.00 Sebulan

Pendapatan Selepas : RM5,000.00 Sebulan

Yuzairi Hafiz bin Tajudin merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) kategori fizikal yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pada usia 13 tahun beliau telah mengalami demam panas dan diserang strok separuh badan sehingga memberi kesan kepada bahagian kakinya. Sejak dari kecil beliau dijaga oleh makcik kerana kedua ibu bapanya telah bercerai. Sebelum itu beliau hanya bekerja membungkus kerepek di Hulu Selangor. Pada tahun 2010 beliau telah berhijrah ke Subang Jaya dan bekerja sebagai pembantu kedai dengan pendapatan sekitar RM630.00 sebulan. Pada tahun 2018, beliau telah memulakan perniagaan menjual putu piring secara kecil-kecilan. Pada peringkat awal, beliau hanya menjalankan perniagaan putu piring di tepi jalan berhampiran dengan tempat tinggalnya.

Beliau telah menyertai program 2YEP pada 2019 bagi mengembangkan lagi perniagaannya dan menarik lebih ramai pelanggan. Pada penghujung tahun 2019 permohonan beliau untuk mendapatkan tapak niaga di Pasar Moden MBSJ SS15 Subang Jaya telah diluluskan. Pada Julai 2021 di bawah program 2YEP, suntikan modal telah diberikan kepada beliau untuk membeli peralatan yang lebih besar seterusnya dapat menghasilkan putu piring dengan kuantiti yang lebih banyak pada satu-satu masa. Oleh itu, pada awal tahun 2022, beliau telah membuka premis baharu di Dewan Selera Wawasan SS3 Petaling Jaya.

Hasil menyertai program 2YEP pendapatan beliau telah meningkat antara RM10,000.00 hingga RM20,000.00 sebulan. Beliau mempunyai lima orang pekerja tetap untuk membantunya di kedua-dua premis perniagaan. Di samping itu beliau juga mengambil inisiatif membantu peniaga lain dengan menempatkan kuih-muih mereka di gerai beliau untuk dipasarkan menggunakan platform e-hailing.

Pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberikan cabaran dan kesan yang buruk kepada peniaga-peniaga kecil seperti beliau. Berpegang kepada azam yang kuat dan utuh beliau meneruskan perniagaan putu piring yang diwarisi daripada nenek, dengan menjalankan perniagaan secara dalam talian atau e-hailing iaitu melalui medium facebook dan foodpanda bagi meneruskan kelangsungan dan survival dalam perniagaan. Selain itu, terdapat pelbagai dugaan dan cabaran lain yang telah beliau hadapi khususnya semasa mula berniaga seperti pernah dikenakan kompaun oleh pihak berkuasa tempatan sebelum beliau mendapat lesen berniaga.

Premis Perniagaan Sebelum Menyertai Program 2YEP





Premis Perniagaan Selepas Menyertai Program 2YEP






Produk Perniagaan



PROJEK 13 JUALAN MAKANAN DAN MINUMAN

Nama : Salina binti Iskandar
Umur : 45 Tahun
Alamat : Batu 2 Jalan Apas, lorong Saidani 5,
91007 Tawau, Sabah
Skim Bantuan : Bantuan Kanak-Kanak (BKK)
Jumlah Bantuan Diterima : RM320.00 Sebulan
Bantuan Geran Pelancaran : Tahun 2021: RM2,700.00
Bantuan Agensi Lain : Tiada



Pendapatan Sebelum : RM700.00 hingga 900.00 Sebulan
Pendapatan Selepas : RM3,000.00 Sebulan

Salina binti Iskandar merupakan seorang ibu tunggal dan mempunyai enam orang anak. Beliau telah berpisah dengan suaminya pada tahun 2017. Beliau terpaksa menyara dan membesarkan anak-anak yang masih bersekolah pada waktu itu dengan hasil menjual nasi lemak bungkus yang dibuat di rumah. Seterusnya, anak-anak dan rakan-rakan membantu beliau untuk menjual nasi lemak tersebut. Bagi meningkatkan hasil jualan, beliau menggunakan pendekatan *Cash On Delivery* (COD) kepada pembeli dan menjaja produk beliau di sekitar kawasan bandar termasuk di UTC Tawau, Sabah. Pendapatan beliau pada ketika itu antara RM700.00 hingga RM900.00 sebulan.


Beliau menyertai program 2YEP pada tahun 2021 bagi membeli keperluan peralatan dan bahan mentah untuk perniagaannya. Beliau juga telah menyewa sebuah lot kedai di sebuah medan selera di kawasan Fajar, Tawau, Sabah. Perniagaan beliau telah didaftarkan dan dikenali sebagai Nasi Lemak Kopi-O. Seterusnya, beliau membuka perniagaan nasi lemak berlauk di salah sebuah lot kedai dalam Medan Selera Grace Point, Tawau, Sabah. Perniagaan tersebut dibuka bermula dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Pemilihan lokasi tersebut amat bersesuaian kerana medan selera tersebut merupakan salah sebuah tempat tumpuan utama di sekitar bandar Tawau khususnya pada waktu pagi. Perniagaan tersebut dibantu oleh dua orang anaknya dan belum bercadang untuk mengambil pekerja setakat ini. Setelah menyertai program 2YEP taraf hidup dan pendapatan beliau telah meningkat antara RM3,000.00 hingga RM5,000.00 sebulan.



Beliau memaklumkan bahawa program 2YEP bukan sahaja dapat meningkatkan taraf kehidupan beliau dan keluarga malah membuka peluang untuk mendapat kerjasama dan menerima sokongan daripada agensi-agensi lain pada masa akan datang. Beliau juga menyatakan bahawa selain bantuan dan sokongan daripada agensi, daya usaha dan tekad adalah merupakan langkah pertama untuk berjaya.

Perancangan masa hadapan beliau berhasrat untuk membesarkan lagi perniagaannya dan bercadang untuk melanjutkan masa operasi perniagaan sehingga ke waktu malam. Pada masa yang sama beliau perlu berusaha untuk mendapatkan penambahan pekerja di masa akan datang.

Premis Perniagaan Peserta



Produk Perniagaan



PROJEK 14 JUALAN MAKANAN/ KATERING

Nama : Rus Sitah binti Ani
Umur : 35 Tahun
Alamat : No.7, Lorong 3F2D Taman Samarindah Baru, 94300 Kota Samarahan, Sarawak
Skim Bantuan : Bantuan Kanak-Kanak (BKK)
Jumlah Bantuan Diterima : RM700.00 Sebulan
Bantuan Geran Pelancaran : Tahun 2019: RM5,000.00 (Negeri)
Bantuan Agensi Lain : Tiada`




Pendapatan Sebelum : RM900.00 - 1,000.00 Sebulan
Pendapatan Selepas : RM13,000.00 Sebulan

Rus Sitah binti Ani merupakan seorang ibu tunggal dan mempunyai dua orang anak yang berusia 5 dan 6 tahun. Sebelum ini, beliau berniaga di tepi jalan dan hanya mampu meraih pendapatan sekitar RM900.00 hingga RM1,000.00 sebulan. Pendapatan beliau tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan dan menyara dua orang anaknya. Namun, beliau berkemahiran dalam menyediakan masakan nasi arab, nasi briyani, kari dan sebagainya.

Beliau telah menyertai program keusahawanan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak (JKMN Sarawak) melalui Geran Pelancaran sebanyak RM5,000.00 pada tahun 2019 untuk membeli peralatan bagi mengembangkan perniagaannya. Hasil bimbingan berterusan dari JKMN Sarawak dan usaha gigih beliau, perniagaannya mula mendapat sambutan termasuk berjaya menambah tapak jualan. Setelah menyertai program keusahawanan di bawah JKMN Sarawak pendapatan beliau telah meningkat sehingga RM13,000.00 sebulan.

Pandemik Covid-19 telah memberikan cabaran dan kesan kepada perniagaannya. Namun beliau berusaha gigih dalam mempromosikan jaluannya melalui kaedah katering dan penghantaran makanan dari rumah ke rumah.

Usaha ini telah berjaya meningkatkan kembali jualan dan mendapat sambutan serta sokongan daripada pelanggan setempat sehingga kini.




Perancangan perniagaan di masa hadapan beliau berhasrat untuk mendapat sebuah tapak kedai dan berazam untuk meluaskan perniagaan ke kawasan atau negeri lain.

Premis Perniagaan Peserta



Produk Perniagaan





Pencapaian Peserta

